

# KUIM-OUM meterai kerjasama

KUALA LUMPUR: Pertukaran ahli akademik dan bahan perpustakaan serta program penyelidikan termasuk dalam program kerjasama dimeterai antara Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan Universiti Terbuka Malaysia (OUM), semalam.

Kerjasama itu dijangka akan memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak kerana kepakaran di institusi masing-masing akan dieksploitasi untuk kepentingan bersama.

Timbalan Rektor KUIM, Profesor Dr Mohammad Alias, berkata pihaknya akan menghantar ahli akademiknya untuk membuat



**KERJASAMA...Dr Mohammad (kiri) menyerahkan memorandum kepada Dr Anuwar pada majlis menandatangani Perjanjian antara KUIM dan OUM, semalam.**

program lanjutan seperti sarjana atau doktor falsafah di OUM bagi perkembangan pendidikan di institusinya.

Sementara itu, Presiden dan

Naib Canselor OUM, Profesor Tan Sri Dr Anuwar Ali, berkata terdapat 9,800 guru yang mengikuti program ijazah di institusi berkenaan.